

27 MAR 1998

Mahathir-UMNO

UMNO AKAN KALAH DALAM PILIHAN RAYA TANPA IMEJ BERSIH, KATA PM

JITRA, 27 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Umno akan kalah dalam pilihan raya umum jika pengundi bukan Umno memandang "jijik dan kotor" terhadap imej parti itu.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata ini boleh berlaku jika anggota parti tidak menjaga imej parti supaya bersih.

"Para anggota Umno perlu menjaga imej parti supaya ia tidak dipandang jijik dan kotor oleh pengundi bukan Umno semasa pilihan raya umum nanti," katanya semasa merasikan persidangan perwakilan Umno bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra di sini.

Dr Mahathir, yang juga ketua Umno bahagian Kubang Pasu, berkata adalah penting anggota parti menjaga imej parti supaya bersih untuk memperjuangkan kepentingan agama, bangsa dan tanah air.

"Kita bimbang, orang akan benci dan jijik dengan Umno sekiranya terdapat amalan rasuah semasa pemilihan parti sehingga pemimpin rasuah masih dipilih," katanya.

Dr Mahathir berkata sudah terdapat kemerosotan budaya dan nilai yang murni dalam parti dan cara untuk memulihkannya ialah dengan menyingkir orang yang terlibat dengan rasuah.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat tanda-tanda kebersihan wujud dalam parti semasa pemilihan sekarang.

Sebagai contoh, terdapat bahagian yang tidak memilih pemimpin yang menyogok wang dan ada anggota parti yang berani tampil ke hadapan dengan melaporkan kepada polis sambil menunjukkan wang sogokan yang diterima, katanya.

"Ini menunjukkan ada pertukaran dalam budaya orang Umno sekarang. Keinsafan sudah ada," katanya.

Bagaimanapun, masih terdapat ramai anggota yang bertanding dan tidak mempunyai maruah dengan memberi duit untuk mendapatkan undi, katanya.

"Kalau kita undi orang yang sogok kita, kita akan dapat pemimpin yang tidak bermaruah. Orang macam ini jual negara pun dia boleh buat kalau dia diberi tempat," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata: "Kita tak nak orang rasuah dalam parti...bukan sebagai pemimpin, sebagai anggota pun kita tak nak."

Beliau berkata walaupun Umno mempunyai keanggotaan lebih dua juta orang tetapi biarlah parti membuang beribu-ribu anggotanya yang rasuah kerana kehadiran mereka tidak membawa faedah kepada parti.

Katanya parti itu akan menyingkirkan para pemimpinnya yang rasuah walaupun mereka sudah dipilih sekiranya terdapat bukti.

"Umno tidak wujud untuk memberi tempat kepada sesiapa. Orang yang dapat tempat secara kebetulan mempunyai tanggungjawab untuk menjayakan perjuangan parti," katanya.

"Percayalah kita akan dijajah semula jika pemimpin kita rasuah," katanya.

Dr Mahathir berkata negara memerlukan parti yang bersih dan kuat terutamanya ketika menghadapi kegawatan ekonomi sekarang.

Mengenai demokrasi dalam Umno, beliau berkata ia mengutamakan hasil demokrasi iaitu kekuatan barisan pemimpin yang dilantik.

Bagaimanapun ada orang yang tidak faham soal demokrasi itu kononnya ia sebagai peluang untuk mendapat kedudukan.

"Mereka hendakkan jawatan bukan kerana hendak berkhidmat kepada rakyat tetapi untuk mengisi poket sendiri sehingga sanggup membeli undi," katanya.

Dr Mahathir, Ketua Umno bahagian Kubang Pasu, mengekalkan jawatannya tanpa bertanding pada pemilihan kali ini. Timbalan Ketua bahagian Tan Sri Osman Arof, bekas Menteri Besar Kedah, turut menang tanpa bertanding. --
BERNAMA

JM MAN NMO